



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 11

26hb Mei 2011

*TAMBAHAN No. 12
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 35.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003
(ENAKMEN NO. 1 TAHUN 2003)

PERATURAN-PERATURAN JAWATANKUASA MAJLIS AGAMA ISLAM
SELANGOR 2011

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

3. Penubuhan Jawatankuasa
4. Fungsi dan kewajipan Jawatankuasa

Peraturan

5. Keanggotaan Jawatankuasa
6. Tempoh jawatan
7. Tamat pelantikan
8. Pembatalan pelantikan
9. Pelantikan anggota gantian

BAHAGIAN III

MESYUARAT JAWATANKUASA

10. Setiausaha
11. Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Jawatankuasa
12. Mempengerusikan mesyuarat
13. Korum
14. Memanggil mesyuarat
15. Minit
16. Aturan urusan mesyuarat
17. Elaun kehadiran mesyuarat
18. Kerahsiaan
19. Bahasa

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

22. Pengecualian

JADUAL

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003
(ENAKMEN NO. 1 TAHUN 2003)**

**PERATURAN-PERATURAN JAWATANKUASA MAJLIS AGAMA ISLAM
SELANGOR 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 122(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. No. 1/2003*], Majlis Agama Islam Selangor dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Majlis Agama Islam Selangor 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua Jawatankuasa yang ditubuhkan dan dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor.

(3) Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2011.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen 1/2003*];

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis dan dinyatakan di dalam Jadual kepada Peraturan-Peraturan ini;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Penubuhan Jawatankuasa

3. (1) Majlis boleh melantik Jawatankuasa seperti dinyatakan di dalam Jadual kepada Peraturan-Peraturan ini untuk membantunya dalam menunaikan kewajipannya atau menjalankan kuasanya di bawah Enakmen.

(2) Jawatankuasa yang dilantik hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis.

Fungsi dan kewajipan Jawatankuasa

4. (1) Setiap Jawatankuasa yang telah dilantik oleh Majlis hendaklah menjalankan fungsi dan kewajipannya sebagaimana yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh, pada bila-bila masa meminda atau menukar fungsi dan kewajipan yang ditetapkan ke atas mana-mana Jawatankuasa yang dilantik sekiranya difikirkan perlu.

(3) Dalam pelaksanaan fungsi dan kewajipannya, Jawatankuasa hendaklah memberitahu Majlis tentang semua tindakan dan perkara yang dilakukan olehnya.

Keanggotaan Jawatankuasa

5. Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota berikut:

- (a) seorang pengurus daripada kalangan ahli Majlis;
- (b) tidak lebih daripada sepuluh orang anggota yang layak dan sesuai yang dilantik oleh Majlis yang mana seorang daripadanya hendaklah ahli Majlis; dan
- (c) seorang Setiausaha dari kalangan pegawai atau pekhidmat Majlis atau Jabatan Agama Islam Selangor atau mana-mana orang yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

Tempoh Jawatan

6. (1) Anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah subperaturan 5(1) hendaklah memegang jawatan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(2) Pelantikan semula anggota hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan sebelum tamat tempoh pelantikannya.

Tamat pelantikan

7. Pelantikan seseorang anggota yang dilantik hendaklah tamat—

- (a) apabila dia mati;
- (b) jika dia meletakkan jawatannya melalui surat yang dialamatkan kepada Majlis melalui Pengurus Majlis; atau
- (c) jika dia tidak berada di Malaysia, selama tempoh yang melebihi tiga bulan tanpa kebenaran bertulis daripada Pengurus Jawatankuasa.

Pembatalan pelantikan

8. (1) Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa jika—

- (a) kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota atau sebaliknya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Majlis atau Jawatankuasa;
- (b) dia telah menjadi tidak berupaya untuk menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai anggota;
- (c) tanpa apa-apa alasan yang mencukupi pada pendapat Pengerusi, dia telah tidak menghadiri tiga mesyuarat secara berturut-turut;
- (d) dia telah bertindak bertentangan dengan kepentingan Majlis;
- (e) dia diisyiharkan bankrap; atau
- (f) dia pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah dalam mana-mana mahkamah.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Majlis boleh atas budi bicaranya membatalkan pelantikan mana-mana anggota pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab mengenainya.

Pelantikan anggota gantian

9. (1) Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk mengisi kekosongan mana-mana anggota yang pelantikannya ditamatkan atau dibatalkan di bawah peraturan 7 atau 8.

(2) Seseorang yang dilantik di bawah subperaturan (1) hendaklah memegang jawatannya hanya selama baki tempoh jawatan anggota yang digantinya.

BAHAGIAN III

MESYUARAT JAWATANKUASA

Setiausaha

10. (1) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Pengerusi kepadanya, Setiausaha hendaklah bertanggungjawab ke atas semua surat-menyurat dan dokumen Jawatankuasa dan hendaklah dalam apa-apa hal lain menjalankan tugas yang dikenakan ke atasnya atau yang diberikan kepadanya oleh Pengerusi.

(2) Setiausaha berhak menghadiri semua mesyuarat yang berkaitan dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak berhak mengundi.

Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Jawatankuasa

11. (1) Jika seseorang anggota yang dilantik atas nama jawatannya yang tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat, anggota itu boleh diwakili oleh mana-mana pegawai yang beragama Islam di Jabatan yang sama dengannya yang mana terkanan selepasnya dan mempunyai kepakaran yang diperlukan.

(2) Pengurus boleh menjemput mana-mana orang yang bukan anggota untuk hadir dalam mana-mana mesyuarat, jika urusan di hadapan mesyuarat itu menyebabkan kehadiran orang itu dikehendaki.

(3) Seseorang yang dijemput menghadiri mesyuarat di bawah subperaturan (1) atau (2) berhak mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian Jawatankuasa tetapi tidak berhak mengundi.

Mempengerusikan Mesyuarat

12. (1) Pengurus hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat yang berkaitan.

(2) Jika Pengurus tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, anggota yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Korum

13. Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dilakukan dalam sesuatu mesyuarat, dan tiada ketetapan atau tindakan Jawatankuasa yang dibuat atau dilaksanakan dalam sesuatu mesyuarat adalah sah melainkan, jika sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Jawatankuasa termasuk Pengurus, hadir dalam mesyuarat itu.

Memanggil mesyuarat

14. (1) Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada empat bulan boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya kecuali dengan arahan oleh Majlis.

(2) Semua mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.

(3) Pengurus boleh pada bila-bila masa mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat.

(4) Mana-mana empat (4) orang anggota boleh pada bila-bila masa secara bertulis menghendaki Setiausaha memanggil mesyuarat Jawatankuasa dengan syarat mereka memberitahu Setiausaha maksud mereka menghendaki mesyuarat itu dipanggil.

(5) Setiausaha hendaklah memanggil mesyuarat dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan arahan di bawah subperaturan (3) atau kehendak di bawah subperaturan (4).

(6) Notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh hari bekerja hendaklah diberikan mengenai mana-mana mesyuarat, tetapi Pengurus boleh, jika dia berpendapat bahawa ada keperluan mendesak untuk memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang lebih singkat, mengarahkan supaya kehendak notis tujuh hari itu diketepikan.

(7) Notis mesyuarat boleh dihantar dengan serahan tangan, pos, faksimili atau E-mel.

(8) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota melalui pos hendaklah dialamatkan ke tempat tinggalnya yang terakhir diketahui dan hendaklah disifatkan telah disampaikan mengikut perjalanan biasa pos.

(9) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota melalui faksimili hendaklah dihantar kepada nombor faksimili yang diberikan oleh anggota itu secara bertulis kepada Setiausaha dan hendaklah disifatkan telah diterima oleh anggota itu apabila kod panggilan balik diterima.

(10) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota dengan E-mel hendaklah dihantar ke alamat E-mel anggota itu yang berikan kepada Setiausaha secara bertulis dan hendaklah disifatkan telah diterima apabila pentadbir mel yang berkenaan memaklumkan bahawa mel itu sudah berjaya dihantar atau jika tidak ada makluman daripada pentadbir mel bahawa mel itu tidak berjaya dihantar.

(11) Tiada notis mesyuarat diperlukan dalam hal anggota yang sedang berada di luar Malaysia.

Minit

15. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan semua minit mesyuarat.

(2) Pada tiap-tiap mesyuarat, minit mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan, tertakluk kepada apa-apa pindaan yang diperlukan.

(3) Minit yang dicatat hendaklah mengandungi rekod bagi tiap-tiap keputusan atau ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa.

(4) Satu salinan minit yang telah disediakan oleh Setiausaha dan diluluskan oleh Pengurus atau telah disahkan oleh Jawatankuasa hendaklah dikemukakan kepada Majlis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh mesyuarat.

(5) Tiada keputusan yang dibuat dalam mana-mana mesyuarat boleh diambil tindakan sehingga minit mesyuarat tersebut diluluskan oleh Pengurus atau dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis.

Aturan urusan mesyuarat

16. (1) Pengerusi hendaklah menentukan aturan urusan mesyuarat.
- (2) Pengerusi boleh memutuskan aturan anggota-anggota mesyuarat untuk berucap dalam mesyuarat dan boleh pada bila-bila masa menghendaki mana-mana ahli untuk berhenti dari berucap dalam mesyuarat.
- (3) Jika di atas apa-apa ketetapan terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.
- (4) Segala keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diambil secara syura.

Elaun kehadiran mesyuarat

17. Setiap anggota atau wakilnya atau Setiausaha bolehlah dibayar elau sepetimana yang ditetapkan oleh Majlis.

Kerahsiaan

18. Prosiding Jawatankuasa hendaklah dirahsiakan dan tiada seorang pun anggota atau pekhidmatnya boleh mendedahkan atau membukakan kepada mana-mana orang selain Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mana-mana anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal agama Islam atau mana-mana anggota Majlis apa-apa perkara yang telah berbangkit dalam mana-mana mesyuarat melainkan jika dia dibenarkan dengan nyata oleh Majlis.

Bahasa

19. Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa bagi semua mesyuarat. Minit dan semua dokumen boleh menggunakan tulisan rumi atau jawi.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

Pengecualian

20. Walau apa pun apa-apa peruntukan di dalam Peraturan-Peraturan ini, Majlis boleh mengecualikan mana-mana Jawatankuasa daripada terikat dengan keseluruhan atau mana-mana peruntukan di dalam Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 7 April 2011

[MAIS/SU/BUU/02/011/18; P.U. Sel. AGM 0006/1]

DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN HAJI MOHD ISA
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) 2003 (ENACTMENT NO. 1 OF 2003)**

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR COMMITTEE'S
REGULATIONS 2011**

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulations

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation

PART II

COMMITTEE OF MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

3. Establishment of the Committee
4. Functions and duties of the Committee
5. Membership of the Committee
6. Tenure of office
7. Termination of appointment
8. Revocation of appointment
9. Appointment of substitute member

PART III

MEETINGS OF THE COMMITTEE

10. Secretary
11. Attendance of non-members at meetings of the Committee
12. Presiding over meetings
13. Quorum
14. Summoning of meetings
15. Minutes
16. Order of business

Regulations

17. Allowances of attending meetings
18. Secrecy
19. Language

PART IV

MISCELLANEOUS

20. Savings

SCHEDULE

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) 2003 (ENACTMENT NO. 1 OF 2003)**

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR COMMITTEE'S
REGULATIONS 2011**

IN exercise of the powers conferred by subsection 122(1) of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) 2003 [*En. No. 1/2003*], Majlis Agama Islam Selangor with the approval of His Royal Highness the Sultan, makes the following regulations:

**PART I
PRELIMINARY**

Citation, application and commencement

1. (1) These Regulations may be cited as the Majlis Agama Islam Selangor Committee's Regulations 2011.
- (2) These Regulations shall apply to all the Committees established and appointed by the Majlis Agama Islam Selangor.
- (3) These Regulations shall be deemed to have come into operation on 1 March 2011.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Enactment” means Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment 1/2003*];

“Committee” means the committees established by the Majlis and as specified in the Schedule of these Regulations;

“Majlis” means Majlis Agama Islam Selangor established under subsection 4(1) of the Enactment.

**PART II
COMMITTEE OF MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

Establishment of the Committee

3. (1) The Majlis may appoint Committees as specified in the Schedule of these Regulations to assist it in the discharge of its duties or exercise of its powers under the Enactment.
- (2) The Committee appointed shall be subject to the control and direction of the Majlis.

Functions and duties of the Committee

4. (1) Every Committee appointed by the Majlis shall exercise its functions and duties as determined and approved by the Majlis.

(2) Majlis may, at any time amend or change the functions and duties designated to any Committee appointed if it deems necessary.

(3) In exercising its functions and duties, the Committee shall inform the Majlis of all acts and things done by the Committee.

Membership of the Committee

5. A Committee shall consist of the following members:

- (a) a Chairman from amongst member of Majlis;
- (b) not more than ten qualified and suitable persons to be appointed by Majlis and one person shall be from member of Majlis; and
- (c) a Secretary who is amongst the officer or servant of Majlis or The Selangor Islamic Religious Department or any person that Majlis deems fit.

Tenure of office

6. (1) The members of the Committee appointed under subregulation 5(1) shall hold the appointment for a period not exceeding three years and are eligible for reappointment.

(2) The reappointment of members shall be made within three months prior to the expiry of their appointment period.

Termination of appointment

7. The appointment of an appointed member shall terminate—

- (a) on his death;
- (b) if he resign, by letter addressed to the Majlis through the Chairman of the Majlis; or
- (c) if he has been absent from Malaysia for a period of more than three months, without the written permission of the Chairman.

Revocation of appointment

8. (1) Majlis may revoke the appointment of any member of the Committee if—

- (a) his conduct, whether in connection with his duties as a member of the Committee or otherwise, has been such as to brings discredit to the Majlis or the Committee;

- (b) he has become incapable of properly carrying out his duties as a member;
 - (c) without any excuse which in the opinion of the Chairman is sufficient, he has been absent from three consecutive meetings of the Committee;
 - (d) he has acted contrary to the interest of the Majlis;
 - (e) he is declared a bankrupt; or
 - (f) he has been convicted of any criminal offence at any court.
- (2) Notwithstanding subregulation (1), Majlis may on his discretion revoke the appointment of any member at any time without giving any reasons for doing so.

Appointment of substitute member

9. (1) The Majlis may appoint any person to fill the vacancy of any member whose appointment has been terminated or revoked under regulation 7 or 8.

(2) A person who is appointed under subregulation (1) shall hold his appointment for only the remaining period of the appointment of the member whom he is replacing.

PART III

MEETINGS OF THE COMMITTEE

Secretary

10. (1) Subject to such directions as may be given to him by the Chairman, the Secretary shall have charge of all correspondence and documents of the Committee and shall in all other respects carry out such duties as may be imposed upon him or assigned to him by the Chairman.

(2) The Secretary is entitled to attend all meetings and to participate in its deliberations, but is not entitled to vote.

Attendance of non-members at meetings of the Committee

11. (1) If a member who is appointed by the name of his position is unable to attend a meeting of the Committee, the member may be represented by any Muslim officer who is next in seniority from the same Department and having the expertise needed.

(2) The Chairman may invite any person who is not a member to attend any meeting of the Committee, if the business before the meeting makes the presence of the person is desirable.

(3) A person attending a meeting under subregulation (1) or (2) is entitled to participate in the deliberations of the Committee but is not entitled to vote.

Presiding over meetings

12. (1) The Chairman shall preside over all meetings of the relevant Committee.

(2) If the Chairman is absent from a meeting of the Committee, the members present shall elect one of the members to preside over the meeting.

Quorum

13. No business, except that of adjournment, shall be transacted at a meeting, and no resolution or action of the Committee made or performed at a meeting shall be valid unless, one-third of the members of the Committee, including the person presiding over the meeting, are present at the meeting.

Summoning of meetings

14. (1) Meetings of the Committee shall be held with such regularity that not more than four months shall have elapsed between one meeting and the next except with the directive by the Majlis.

(2) All meetings of the Committee shall be summoned by the Secretary.

(3) The Chairman may at any time direct the Secretary to summon a meeting.

(4) Any four members may at any time in writing require the Secretary to summon a meeting of the Committee on condition that they inform the Secretary the purpose for which they desire the meeting to be summoned.

(5) The Secretary shall summon a meeting within fourteen days from the date of receipt of the direction under subregulation (3) or the requirement under subregulation (4).

(6) At least seven working days notice in writing shall be given of any meeting, but the Chairman may, if he considers that there is urgent need to summon a meeting at shorter notice, direct that the requirement of seven days notice be dispensed with.

(7) Notice of a meeting may be sent by post, facsimile or Email.

(8) A notice sent to a member by post shall be addressed to his last-known place of residence and shall be deemed to have been served in due course of post.

(9) A notice sent to a member by facsimile shall be sent to the facsimile number given by the member in writing to the Secretary and shall be deemed to have been received by the member when the call back code is received by the Secretary.

(10) A notice sent to a member by E-mail shall be sent to the E-mail address of the member given to the Secretary in writing and shall be deemed to have been received by the member if the relevant mail administrator informs that the mail has been successfully delivered or if there is no information from the mail administrator that the mail has not been successfully delivered.

(11) No notice of meeting shall be necessary in the case of a member who is for the time being outside Malaysia.

Minutes

15. (1) The Secretary shall keep the minutes of all meetings.

(2) At every meeting, the minutes of the previous meeting shall be read and confirmed, subject to any amendment which may be required.

(3) The Minutes recorded shall contain every decision and resolution made by the committee.

(4) A copy of the minutes prepared by the Secretary and approved by the Chairman or is confirmed by the committee shall be submitted to the Majlis within fourteen days from the date of the meeting.

(5) No decision made in any meeting shall be acted upon until the minutes of the meeting have been approved by the Chairman or agreed by the meeting of the Majlis.

Order of business

16. (1) The Chairman shall determine the order of business in meetings.

(2) The Chairman may decide in what order members may address the meeting and may at any time require any member to cease addressing the meeting.

(3) If on any resolution there is an equality of votes, the Chairman of the Committee shall have a casting vote.

(4) All decisions of the meetings of the Committee shall be by way of *syura*.

Allowances of attending meetings

17. Every member or his representative or the Secretary may be paid such remuneration as the Majlis may determine.

Secrecy

18. The proceedings of the Committee shall be kept secret and no member or servant thereof shall disclose or divulge to any person other than His Royal Highness the Sultan or any member of the State Executive Council responsible for Islamic religious affairs or any member of the Majlis any matter that has arisen at any meeting unless he is expressly authorized by the Majlis.

Language

19. Malay language shall be the language for all meetings. Minutes and all documents may be in the rumi or jawi script.

PART IV**MISCELLANEOUS****Exemption**

20. Notwithstanding any of the provision of these Regulations, the Majlis may exempt any Committees from binds with all or any part of the provision under these Regulation.

Made 7 April 2011
[MAIS/SU/BUU/02/011/18; P.U. Sel. AGM 0006/1]

DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADDZIB BIN HAJI MOHD ISA
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA